



Bagaimana BN dan PAS hadapi isu yang dibangkitkan lawan masing-masing
(dipetik dari Majallah MASSA)

Isu-Isu Yang Dibangkitkan Pembangkang

Negara Islam: Malaysia diistiharkan sebagai sebuah negara Islam pada 29 September 2001 oleh Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Pengistiharkan itu bagi menamatkan kontroversi berhubung status negara Islam oleh pihak pembangkang. Bagaimanapun, PAS tertekan akan tetap menggunakan isu negara Islam sebagai senjata utama dalam kempen pilihanraya 2004. Kepimpinan BN dibawah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dianggap tidak mencerminkan Islam yang sejati kerana tidak melaksanakan hukum hudud, sebaliknya lebih bersifat sekular. Mereka juga terus membuat dakwaan bahawa pengistiharan Malaysia sebagai sebuah negara Islam adalah tidak wajar selagi negara ini tidak melaksanakan undang-undang berlandaskan A-Quran dan Hadis.

Undi PAS Masuk Syurga: Siapa undi PAS akan masuk syurga, kata beberapa pemimpin pasry itu. Ia bertujuan memancing undi tetapi UMNO telah menggunakan untuk menyerang PAS habis-habisan. Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak ada masalah dengan isu ini. "Saya ingat isu ini kita boleh lawan dengan mudah," katanya ketika beriucap pada Majlis Perjumpaan jentera Kerja Pilihanraya Barisan Nasional (BN) Kedah di Alor Setar pada 6 Mac lalu. Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, PAS sama sekali tidak akan menghentikan kempen tersebut walaupun parti itu buat sementara waktu akan akur dengan arahan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) bahawa tindakan menjanjikan syurga bagi memancing undi adalah satu kesalahan di bawah Akta Pilihanraya 1954.

Isu Anwar Ibrahim: Isu bekas Timbalan perdana Menteri, datuk Seri Anwar Ibrahim tetap akan digunakan dalam kempen pilihan raya kali ini bagi memancing undi. Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dalam kenyataan pada 14 Mac lalu berkata, isu bekas Timbalan perdana Menteri itu digunakan kononnya kerana Anwar dizalimi dan dianiaya. "Kita menggunakan isu ini di atas sifat untuk membela orang yang dianiaya dan dizalimi," ujarnya. Katanya, isu kezaliman terhadap Anwar tidak akan basi.

Kejayaan Anak Pak Lah: PAS menggunakan isu kejayaan perniagaan anak Perdana Menteri, datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Dalam kempennya bagi memburukkan imej UMNO, PAS menuduh Abdullah tidak telus dan bersih apabila anak lelaki beliau, Kamaludin, disenaraikan sebagai antara orang terkaya di Malaysia. Dalam ceramah-ceramah PAS dan berita akhbar Harakah, tokoh-tokoh PAS mempersoalkan bagaimana anak Perdana Menteri berjaya mengumpul harat sebanyak RM320 juta seperti disiarkan oleh sebuah majalah ekonomi awal tahun ini. PAS juga mendakwa syarikat milik anak Perdana Menteri, Scomi Group Berhad menerima kontrak bernilai lebih RM 2 bilion daripada Syarikat Petronas Carigali dengan menggunakan pengarus sebagai anak Perdana Menteri.

Isu Membanteras Rasuah: Penangkapan bekas Pengarah urusan Perwaja, Tan Sri Eric Chia dan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gadam pada awal tahun ini dijadikan senjata oleh pembangkang untuk mendakwa Kerajaan tidak telus dalam membasmi isu rasuah di kalangan 'orang atasan' selama ini. Pembangkang dipercayai akan menjadikan isu rasuah dan korupsi dikalangan orang penting di dalam UMNO dan BN bagi menghentam Kerajaan. Malah mereka mendakwa Abdullah berkeseorangan dalam membanteras rasuah dan penyelewengan.

Sekolah Agama Rakyat (SAR): Isu SAR dibangkitkan semula dalam ceramah-ceramah PAS sepanjang kempen pilihan raya umum. PAS mendakwa kerajaan sengaja melewati-lewatkan laporan Jawatankuasa Khas Mengenai Sekolah Agama Rakyat (SAR) untuk kepentingan politik dan pilihan raya. Tuduhan tersebut merupakan agenda politik parti itu untuk memburuk-burukkan Kerajaan dan menarik sokongan masyarakat terhadap kempen pilihan raya mereka.

ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN UMNO DAN BN

Isu Hudud PAS: Lima bulan lalu, PAS melancarkan Dokumen Negara Islam bagi membuktikan kesungguhan parti itu untuk menubuhkan sebuah negara Islam ala PAS selain melaksanakan hukum hudud. Bagaimanapun, sampai ke hari ini, persoalan pelaksanaan hukum hudud oleh kepimpinan PAS di Kelantan dan Terengganu masih belum terjawab. Sejak pertama ini dicetuskan lebih sepuluh tahun lalu hingga ke hari ini pelaksanaannya belum dibuat oleh Kerajaan PAS di dua negeri pantai timur yang dikuasainya itu. PAS hanya mewartakan PAS hanya mewartakan hudud sebagai undang-undang Kerajaan negeri pada 2003 tetapi tidak pernah dilaksanakan selain tidak mempunyai mekanisme jentera pelaksana. UMNO dan BN menganggap pelaksanaan sekadar permainan politik PAS sebagai persediaan PAS untuk mengelirukan pengundi Islam.

Isu Kelemahan Kerajaan Kelantan dan Terengganu: Kadar pengangguran yang tinggi, ketiadaan peluang pekerjaan serta kurangnya pelaburan asing menyebabkan Kelantan dan juga Terengganu semakin terpinggir daripada arus pembangunan. Sejak PAS memerintah Kelantan 14 tahun lalu, tidak banyak pembangunan yang dilakukan. Sebaliknya rakyat tempatan terpaksa berhijrah keluar untuk mencari pekerjaan. Berbanding negeri-negeri lain, Kelantan tidak mempunyai universiti bagi memenuhi keperluan anak tempatan. Sehingga kini projek lebuhraya gagal dilaksanakan ekoran "ketidaksepakatan" Kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat. Kebanyakan projek jalanraya bertarag lebuhraya yang dibina sejak pemerintahan Kerajaan PAS adalah ihsan Kerajaan Pusat kerana mereka beranggapan ia adalah tanggungjawab Kerajaan Pusat dan bukannya Kerajaan Negeri.

Pembangkang Bersengketa: Keretakan hubungan pakatan pembangkang Barisan Alternatif (BA) bukan perkara baru tetapi telah diketahui sejak lima tahun lalu. Menjelang pilihanraya ini, pakatan pembangkang tidak dapat menyembunyikan lagi ketidaksefahaman di antara mereka. Hubungan PAS dan DAP sentiasa 'tegang' kerana tidak mempunyai matlamat perjuangan yang sama. Hasrat PAS untuk menubuhkan sebuah negara Islam akan ditentang habis-habisan oleh DAP sejak awal lagi. Manakala Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Aziz Nik Mat telah membuktikan ketidaksepakatan antara parti pembangkang apabila 'seterus' dengan Presiden PRM, Syed Husin Ali dengan melabelkan parti itu sebagai 'adik' kepada komunis' yang

tidak melayakan PAS menyokong Syed Husin untuk menjadi calon ahli parliment Kota Bharu dalam pilihanraya.

Kredibiliti Abdul Hadi Awang Sebagai ketua Pembangkang: Ketua Pembangkang di Parlimen ini adalah seorang pemimpin yang terkenal dengan sikap lantangnya. Abdul Hadi bukan sahaja lantang menghentam musuh ketatnya BN tetapi juga menikam dari belakang rakan-rakan dari pasukan pembangkang. Terbaru, Abdul Hadi tanpa berselindung, menyifatkan dua tokoh dari DAP (Lim Kit Siang dan Karpal Singh) sebagai pemimpin yang sudah 'expired'. Kenyataan itu mencerminkan peribadi Abdul Hadi sebagai seorang pemimpin yang tidak pandai mengamalkan 'perkongsian kuasa' seperti yang diperaktikkan pakatan BN. Peribadi sompong Abdul Hadi itu bukan sahaja membuka peluang kepada pemimpin BN untuk menghentamnya malah mencetuskan kemarahan penyokong DAP. Selain itu, sikap gemar mempersendakan peribadi pemimpin lain dilihat sebagai perbuatan yang tidak berhemah PAS. Sebulan lalu, Abdul Hadi menyerang peribadi Perdana Menteri dengan mendakwa Abdullah bersandiwaras menunjukkan kealimannya. Malah beliau mempertikaikan kewibawaan Abdullah kerana tidak mengimamkan sendiri sembahyang jenazah ibunya yang meninggal awal bulan lalu.

Kenyataan Kontroversi Nik Aziz Makan Tuan: Di sebalik perwatakkanya yang lembut, Nik Aziz gemar mengeluarkan kenyataan-kenyataan remeh yang telah menyusahkan perjalanan politiknya sendiri. Isu Tuhan mencarut, Tuhan samseng, dan menyamakan orang Melayu yang tidak menyokong PAS sebagai Yahudi ternyata memakan diri. Pemimpin UMNO dan media perdana pastinya tidak melepaskan peluang mencari sesuatu yang boleh mengurangkan pengaruh Nik Aziz yang selama ini dianggap sebagai tunjang kekuatan PAS Kelantan. Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika menghadiri persidangan Dewan Rakyat Oktober lalu sebelum bersara menempelak Nik Aziz kerana menggunakan agama untuk memecahbelahkan orang Islam. 'Agak malang kerana hendak mencari pengaruh dan hendak memburukkan orang Islam lain terdapat puak tertentu yang sanggup menyalahafsirkan agama dengan sanggup menyatakan Tuhan itu mencarut dan samseng'. Tokoh agama ini juga pernah menimbulkan kemarahan kaum wanita kerana beranggapan wanita cantik tidak perlu bekerja sebaliknya hanya tunggu untuk berkahwin. Selain itu, Nik Aziz juga pernah mendakwa wanita tidak layak menjadi calon sebaliknya hanya sesuai menjadi pengundi kepada calon lelaki sahaja. keterlanjuran itu menyebabkan pendirian Nik Aziz dipertikaikan kerana hari ini PAS sanggup meletakkan calon wanita semata-mata untuk meraih undi daripada pengundi wanita.

Copyright © 2006 suarajohor.tripod.com. All rights reserved. Last updated
Semua artikel yang disiarkan adalah hasil dari pandangan pembaca yang diterima
untuk dikongsi bersama, diolah/diedit mengikut kesesuaian.